



**KENYATAAN MEDIA**  
**PERHIMPUNAN BULANAN MSWP BERSAMA YB MENTERI WILAYAH**  
**PERSEKUTUAN DAN MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN**  
**PENGURUS SUKMA KE-20 MSN 2022**

---

**PUTRAJAYA, 19 MEI 2021:** Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) kini dalam persiapan menjelang Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 yang bakal berlangsung pada tarikh baru iaitu 16 – 24 September 2022 yang bakal diadakan di Lembah Klang.

Selari dengan matlamat untuk menduduki kedudukan tiga terbaik keseluruhan pungutan pingat, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mengatur pelbagai perancangan dengan Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) 2022 bakal diadakan secara 3 Fasa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 23-29 Mei 2022 (Fasa 1), 3-9 Jun 2022 (Fasa 2) dan 13-19 Jun 2022 (Fasa 3).

Kesemua atlet WiPers yang bakal mewakili kontinjen ke SUKMA menyertai KLAS 2022 memberikan elemen tumpuan kepada latihan intensif, simulasi sukan dan ujian kecergasan disamping pelbagai program pengukuhan seperti Team Building, Pengurusan Anti Doping serta Perubatan Sukan.

Dalam Perhimpunan Bulanan MSWP Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan dan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengurus SUKMA XX MSN 2022 yang diadakan di Dewan Serbaguna Kementerian Wilayah Persekutuan pada hari ini, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyampaikan watikah kepada 41 Pengurus Pasukan WiPers yang akan menggalas tugas di SUKMA ke-20 itu nanti.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar juga diumumkan sebagai Ketua Kontinjen (CDM) WiPers pada temasya SUKMA September nanti.

Tiga Timbalan Ketua Kontinjen turut dilantik iaitu Datuk TPr Sulaiman Mohamed (Pengarah Eksekutif (Perancangan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur), Dato' TPr Fadlun Mak Ujud (Naib Presiden Kanan (Perkhidmatan Korporat) Perbadanan Putrajaya) dan juga Tuan Hj Rithuan Hj Mohd Ismail (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan.

TAMAT